

05 MAR 1999

Mahathir-Sabah (Azizah)

AZIZAH BOLEH TANDING DI KUBANG PASU, KATA DR MAHATHIR

PAPAR, 5 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak mempunyai sebarang halangan jika isteri bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ingin merebut kerusi Kubang Pasu daripadanya pada pilihan raya umum akan datang.

Dalam reaksi pertamanya berhubung kenyataan Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail mengenai hasrat itu, Perdana Menteri berkata: "Kalau dia nak tanding, bolehlah tanding. Ini demokrasi."

Wan Azizah dilaporkan berkata baru-baru ini bahawa beliau sanggup bertanding di Kubang Pasu jika penduduk di situ mahukan beliau berbuat demikian.

Dr Mahathir yang dalam rangka lawatan tiga hari ke Sabah mulai semalam merujuk kepada hasrat Wan Azizah itu secara ringkas ketika berucap pada perhimpunan bersama rakyat di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas pembinaan fasa pertama Universiti Malaysia Sabah yang menelan belanja lebih RM800 juta sedangkan Universiti Utara Malaysia yang terletak dalam kawasan Parlimen Kubang Pasu dibina dengan harga RM400 juta sahaja.

"(Menteri Pendidikan) Datuk Seri Najib (Tun Razak) lebih sayangkan Sabah," katanya.

Dr Mahathir bertanya sama ada Wan Azizah boleh menyediakan RM800 juta untuk Universiti Utara Malaysia.

"Kalau dia boleh, saya akan suruh semua orang sokong dia. Dia akan kata dia boleh bagi, tapi itu semua janji kosong saja," katanya.

--BERNAMA

AU MAI